

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI UNESCO MALAYSIA 2014
18/10/2014

DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR

As-salāmu'alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh, salam sejahtera, salam 1 Malaysia and a very good morning.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita dapat bersama-sama berkumpul di dataran yang penuh bersejarah ini bagi menyempurnakan majlis perasmian sambutan Hari UNESCO Malaysia 2014 yang juga merupakan sambutan kali yang keempat selepas penganjuran kali pertama pada tahun 2011. Dengan bertemakan 'Warisan Kita Warisan Dunia', sambutan Hari UNESCO Malaysia pada tahun ini bertujuan untuk mempromosi budaya dan warisan negara kita kepada pelancong dari dalam luar negara, selain mendidik masyarakat kita untuk terus menghargai serta memastikan kelestarian warisan negara sentiasa terpelihara. Melalui sambutan ini juga, segala kejayaan dan pencapaian Malaysia di peringkat UNESCO dapat disebarluaskan kepada lebih banyak pihak, selain meningkatkan visibiliti SKUM khususnya, dan UNESCO amnya kepada seluruh rakyat Malaysia.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Kecil Tetap (JKT) Kebudayaan di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, yang sudi menerajui sambutan Hari UNESCO Malaysia pada tahun ini, dengan sokongan padu Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) dan lain-lain JKT. Justeru, tidak menghairankan apabila Dataran Merdeka menjadi lokasi pilihan JKT Kebudayaan untuk sambutan pada tahun ini. Selain daripada menjadi lokasi tetap bagi sambutan Hari Kemerdekaan negara saban tahun (yang juga diterajui oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan), Dataran Merdeka ini juga menyimpan seribu kenangan sejak bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan buat pertama kalinya menjelang tengah malam 30 Ogos 1957.

Tan Sri, Dato'-Dato', hadirin yang dihormati sekalian,

Penyertaan Malaysia di Sesi Ke-37 Persidangan Agung UNESCO

3. Selaku negara anggota UNESCO, Malaysia sentiasa memainkan peranan aktif di setiap peringkat bagi memastikan visibiliti negara sentiasa dipertingkatkan dan kekal relevan di dalam badan dunia itu. Pada Sesi Ke-37 Persidangan Agung UNESCO yang diadakan pada bulan November tahun lepas, Malaysia telah dijemput untuk menyertai Forum Pemimpin, iaitu sesi Perbincangan Dasar Umum yang melibatkan Ketua-Ketua Kerajaan serta Menteri-Menteri dari 54 buah negara anggota yang terpilih sahaja. Sesi tersebut bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang melibatkan kepentingan dari aspek global, strategik dan inter-

disiplin. Saya telah menggunakan peluang tersebut untuk berkongsi kejayaan Malaysia mencapai sasaran matlamat Pendidikan Untuk Semua lebih awal daripada tahun 2015, selain menyatakan komitmen negara dalam usaha ke arah mencapai Millennium Development Goals (MDGs).

4. Bersempena dengan persidangan berkenaan, Malaysia turut menganjurkan satu majlis resepsi dan Gallery Walk di Ibu Pejabat UNESCO, yang bertujuan untuk berkongsi tentang aspirasi Malaysia dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2015. Inisiatif Malaysia dalam merangka pelan pembangunan pendidikan jangka panjang melalui PPPM itu telah mendapat pujian daripada Madam Irina Bokova, Ketua Pengarah UNESCO serta wakil negara-negara anggota UNESCO yang hadir. Manakala beberapa buah negara turut menyampaikan hasrat kepada saya, agar Malaysia dapat membantu mereka dalam merangka pelan pendidikan negara masing-masing. Madam Irina Bokova turut berharap agar pengalaman Malaysia dalam menangani cabaran dan merangka sebuah pelan pembangunan pendidikan yang komprehensif ini dapat terus dikongsi di mesyuarat-mesyuarat peringkat serantau dan juga di Forum Pendidikan Dunia yang akan diadakan di Republik Korea pada bulan Mei 2015.

5. Selain itu, Malaysia yang diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga buat julung kalinya terpilih sebagai Naib Presiden bagi Majlis Antara Kerajaan bagi Pengurusan Program Transformasi Sosial (Vice President of Management Transformation Programme, Intergovernmental Council), di persidangan majlis berkenaan yang diadakan selari dengan Persidangan Agung UNESCO. Malaysia yang mewakili kumpulan elektoral Asia-Pasifik terpilih bersama-sama dengan Norway, Slovakia, Equador, Kenya dan Emiriah Arab Bersatu yang mewakili Kumpulan elektoral masing-masing dilantik bagi penggal 2013 hingga 2015. Tahniah diucapkan!

Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang dihormati,

Mendokong Aspirasi UNESCO Melalui Peranan Jawatankuasa Kecil Tetap Di Bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia

6. Malaysia sentiasa melakukan usaha berterusan bagi menyokong agenda UNESCO melalui Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) dan semua Jawatankuasa Kecil Tetap (JKT) di bawahnya. Melalui mesyuarat Agung SKUM yang diadakan sebanyak dua kali setahun, setiap JKT akan membentangkan kepada saya laporan mengenai program-program yang dijalankan di bawah portfolio masing-masing mengikut bidang kompetensi UNESCO iaitu pendidikan, sains, sains sosial, komunikasi serta kebudayaan. Selaku Presiden SKUM, saya amat bersyukur di atas kejayaan-kejayaan yang memberangsangkan yang dicapai oleh setiap JKT, yang masing-masing diterajui oleh Ketua

Setiausaha kementerian-kementerian yang bertanggungjawab terhadap bidang-bidang kompetensi UNESCO.

Hadirin sekalian,

Kejayaan Agenda Pendidikan Untuk Semua

7. Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang begitu cemerlang dalam menjayakan agenda Pendidikan Untuk Semua (Education for All – EFA) UNESCO terutamanya dari segi penyediaan akses kepada pendidikan bagi semua peringkat umur, daripada pra-sekolah, sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah. Menurut laporan indikator EFA Malaysia pada tahun 2013, Gross Enrolment Rate in Primary Education telah mencapai satu tahap yang amat memberangsangkan iaitu 96.59%. Manakala, pencapaian negara dalam Transition Rates Between Primary and Lower Secondary Levels juga telah meningkat secara signifikan daripada 90.05% pada tahun 2000 kepada 97.14% pada tahun 2013. Ini merupakan satu pencapaian yang amat baik untuk negara.

8. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi menangani ketidaksaksamaan dalam sistem pendidikan, termasuk menyediakan program khusus untuk kanak-kanak orang Asli serta program sokongan untuk kanak-kanak yang kurang berkemampuan. Manakala tumpuan kepada usaha mengurangkan jurang di antara masyarakat bandar dan luar bandar melalui pelbagai inisiatif, termasuk usaha menaiktaraf dan meningkatkan kemudahan bagi pendidikan, serta penempatan semula guru-guru yang berkualiti telah pun menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

9. Bagi mengatasi masalah pendidikan buat masyarakat orang Asli dan masyarakat pedalaman, Kerajaan telah membina Sekolah Model Komprehensif K9 di kawasan berhampiran dengan penempatan orang Asli dan masyarakat pedalaman Sabah dan Sarawak. Model ini menyediakan pendidikan rendah sehingga ke peringkat menengah rendah. Sehingga kini, sebanyak tujuh buah sekolah model ini telah diwujudkan, dengan 100 peratus enrolmen terdiri daripada murid-murid dalam kalangan masyarakat orang Asli dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. Sebanyak dua lagi sekolah K9 akan dibangunkan di bawah inisiatif Transformasi Pendidikan Orang Asli dan di bawah inisiatif Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak.

10. Kerajaan juga telah menubuhkan Sekolah Dalam Hospital bagi memastikan murid-murid yang mempunyai masalah kesihatan dan terpaksa tinggal lama di hospital tidak tercicir daripada pelajaran. Melalui kerjasama strategik di antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Yayasan Nurul Yaqeen, sebanyak 13 buah Sekolah Dalam Hospital telah pun ditubuhkan sehingga kini. Bagi menyediakan peluang pembelajaran formal kepada kanak-kanak jalanan dan terbiar di sekitar Kuala Lumpur, Kerajaan telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Chow Kit, Kuala Lumpur pada

bulan Ogos 2013. Sekolah ini menggunakan kurikulum kebangsaan yang diubahsuai mengikut keperluan serta pendekatan pengajaran-pembelajaran yang lebih bersifat hands-on.

Tan Sri, Dato'-Dato', hadirin yang dihormati sekalian,

Pengiktirafan Banjaran Crocker Sebagai Tapak Man And Biosphere (MAB) UNESCO

11. Banjaran Crocker di Sabah merupakan khazanah alam semulajadi yang menjadi kebanggaan negara dengan keluasan 350,584 hektar, dan terdiri daripada hutan simpan serta kaya dengan kepelbagaian biodiversiti. Banjaran ini mempunyai lebih 730 spesis flora dan lebih 500 spesis fauna, selain menjadi habitat kepada spesis terancam seperti Orang Utan, beruang matahari dan harimau dahan. Kini Malaysia boleh berbangga dengan pengiktirafan Banjaran Crocker sebagai Tapak Rizab Biosfera Dunia di bawah program Man and Biosphere (MAB) UNESCO pada 11 Jun 2014 baru-baru ini. Ini merupakan kejayaan kedua buat negara selepas pengiktirafan Tasik Chini di Pahang dalam kategori yang sama pada tahun 2009.

12. Kejayaan memperoleh pengiktirafan ini merupakan hasil kerjasama di antara Kerajaan Negeri Sabah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Tahniah diucapkan di atas komitmen dan kerjasama yang dipamerkan sehingga membawa kepada pengiktirafan ini. Kejayaan ini menunjukkan kesungguhan negara dalam mewujudkan keseimbangan di antara pemeliharaan alam sekitar dan aktiviti pembangunan melalui pendekatan pembangunan secara mampan. Sebagai negara anggota Majlis Penyelarasan Antarabangsa MAB (MAB-ICC) sehingga tahun 2017, Malaysia tentunya lebih komited untuk mempromosikan keharmonian alam semulajadi, selaras dengan matlamat MAB yang berteraskan kelestarian hubungan di antara komuniti penduduk dan alam sekitar.

Tan Sri, Dato'-Dato', hadirin yang dihormati sekalian,

Pameran Warisan Kita Warisan Dunia

13. Dalam usaha mengekalkan khazanah warisan negara, Malaysia sentiasa menyokong komitmen UNESCO untuk memelihara dan melindungi warisan dunia. Pengiktirafan yang diberikan oleh UNESCO terhadap nilai warisan sejarah silam amat dihargai memandangkan warisan dunia menyimpan nilai sejarah dan identiti manusia sejagat secara kolektif. Malaysia berbangga dengan pengiktirafan Taman Negara Mulu dan Taman Kinabalu sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2000, George Town dan Melaka pada tahun 2008, serta Lembah Lenggong pada tahun 2012.

14. Sewajarnya kejayaan sebegini perlu terus dihargai dan dikongsi dengan seluruh rakyat Malaysia dan juga pelancong dari luar negara. Untuk itu, saya dimaklumkan bahawa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah mengambil inisiatif mengadakan pameran di Bangunan Sultan Abdul Samad, dengan menonjolkan kesemua Tapak Warisan Dunia di negara kita yang diiktiraf UNESCO, secara interaktif.

15. Pameran ini yang dinamakan sebagai Pameran Warisan Kita Warisan Dunia selaras dengan tema sambutan pada tahun ini, turut mempamerkan warisan negara yang lain-lain. Ini termasuklah 'Memory of the World International Register' yang akan memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai Warisan Tidak Ketara milik negara seperti Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah dan Surat-surat Sultan Abdul Hamid yang masing-masing mendapat pengiktirafan UNESCO pada tahun 2001 serta Batu Bersurat Terengganu yang mendapat pengiktirafan pada tahun 2009; selain pendedahan terhadap Mak Yong yang telah mendapat pengiktirafan 'Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity'. Semoga pameran ini akan berjaya mendidik dan mempertingkatkan pengetahuan seluruh rakyat Malaysia untuk terus menghargai dan memelihara warisan negara supaya dapat dinikmati oleh generasi kini dan akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Malaysian Funds-In-Trust Di Bawah Malaysia-UNESCO Cooperation Programme

16. Lanjutan daripada pengumuman saya pada sambutan Hari UNESCO Malaysia 2013 di Melaka, bahawa Malaysia telah pun tersenarai sebagai salah sebuah negara penyumbang melalui Malaysia-UNESCO Cooperation Programme (MUCP), dengan termeterainya perjanjian penubuhan dana amanah Malaysian Funds-In-Trust (MFIT) pada 5 April 2013, Kerajaan mulai awal tahun 2014 telah pun meluluskan sejumlah projek di bawah dana amanah ini. Dua daripadanya telah pun bermula dan sedang dalam pelaksanaan. Dengan terlaksananya projek-projek di bawah MFIT MUCP ini, ianya telah membuka satu lagi lembaran baharu dalam membantu memperkukuhkan lagi hubungan Malaysia – UNESCO yang telah sedia terjalin erat, sekali gus meningkatkan lagi visibiliti Malaysia sebagai negara anggota UNESCO.

Excellencies, ladies and gentlemen,

Malaysia's Candidature for the UNESCO Executive Board 2015 – 2019

17. Malaysia has always been proud to be a member of UNESCO and extremely honoured to be part of its noble aspiration for a better world across multiple spheres. We have always and will continue to be inspired by UNESCO's mission and its commitment to ensure

sustainable development, eradicating poverty, promoting intercultural dialogue and building peace. Malaysia is committed, and will persevere in upholding the UNESCO's competencies and principle, especially in the unprecedented future to come. We believe in diversity as strength, and with the amalgamation of the global diversity, we believe that Malaysia can and will add its strength as a pillar of stability and reason for the betterment of the human race. Therefore, the year 2015 serves as an important platform for Malaysia to be involved directly with the implementation of UNESCO's post-2015 agenda. Thus, we express our intention to be in the UNESCO Executive Board for the 2015 – 2019 term.

18. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada SKUM, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, serta semua Jawatankuasa Kecil Tetap yang telah berganding bahu bagi menjayakan sambutan Hari UNESCO Malaysia pada kali ini. Saya berharap agar kerjasama dan sokongan yang diberikan ini dapat diteruskan lagi di masa hadapan, agar segala usaha murni SKUM untuk mengangkat martabat dan imej Malaysia di UNESCO dan di persada antarabangsa dapat diperkukuhkan.

Dengan lafaz Bismillāhirahmānirrahīm, saya dengan sukacitanya merasmikan sambutan Hari UNESCO Malaysia 2014 dengan tema "Warisan Kita Warisan Dunia"

Sekian. Wabillāhi al-taufiq wa al-hidāyah wa al-salāmu'alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh. Terima kasih.